

Kegiatan PPIS galak hubungan akrab bapa dan anak



PERBAIKI HUBUNGAN: Encik Mohd Rusdi Mohd Roshan, 26 tahun, memimpin anaknya, Nur Hannah Dayana, lapan tahun, di salah satu perhentian dalam permainan "The Amazing Dads" anjuran PPIS di Pantai Palawan, Sentosa. - Foto KHALID BABA

26 Jan 2015

Berita Harian

KAUM bapa memainkan peranan dan tanggungjawab penting dalam usaha memupuk sifat positif dan yakin diri dalam anak mereka yang sedang membesar.

Ini yang ingin diketengahkan oleh Hab Inspirasi, yang dikendalikan oleh Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS), dalam acara 'The Amazing Dads' petang semalam.

Hab Inspirasi merupakan agensi perkhidmatan sosial di bawah naungan PPIS yang bertujuan untuk melengkapkan pasangan muda dengan pengetahuan supaya mereka lebih bersedia menghadapi cabaran alam rumah tangga.

Acara yang diadakan di pantai Palawan Sentosa itu bertujuan untuk memberi peluang kepada kaum bapa untuk bersikap lebih proaktif dalam keluarga mereka.

Dalam permainan tersebut, kaum bapa dikehendaki mengetuai dan memberi sokongan kepada ahli keluarga mereka dalam beberapa aktiviti yang mencabar.

Hampir 50 orang - sekitar 11 buah keluarga - telah mengambil bahagian dalam acara tersebut yang melibatkan beberapa permainan kumpulan ala Amazing Race.

Terdapat tujuh perhentian yang harus diselesaikan untuk mengumpul 'duit' yang akan digunakan untuk mendapatkan bahan bagi membina sebuah menara pada akhir perlumbaan tersebut.

Menara yang paling kreatif dan kukuh akan dipilih sebagai pemenang.

Tujuan permainan Amazing Race itu adalah untuk memperbaiki komunikasi dan kerjasama di antara anak dan ayah, selain menyemai sikap menghormati satu sama lain dalam sesebuah keluarga.

Presiden PPIS, Cik Rahayu Mohamad, berkata: "Kami ingin menekankan peri pentingnya peranan kaum bapa dalam hidup anak-anak. Mereka harus sedar bahawa tugas membesarkan dan mendidik anak ini dikongsi bersama isteri.

"Pemikiran di mana hanya isteri yang seharusnya duduk rumah untuk menjaga anak dan suami keluar bekerja tidak seharusnya ada."

Melalui aktiviti yang diadakan di acara 'The Amazing Dads', kaum bapa juga dapat mengaitkan peranan mereka dalam permainan dan cabaran kepada peranan yang dimainkan dalam keluarga seharian.